

GARIS PANDUAN PENGHANTARAN SAMPEL ANALISIS HALAL

UNIT HALAL / PENSPEKSIAN DAGING / WILDLIFE
SEKSYEN BIOTEKNOLOGI

JABATAN KIMIA MALAYSIA

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI (MOSTI)**



LATAR BELAKANG

Jabatan Kimia Malaysia adalah sebuah organisasi yang menyediakan khidmat analisis makmal serta penyiasatan dan perundingan saintifik untuk tujuan penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan program-program berkaitan dengan:

- Membanteras jenayah bagi menjaga ketenteraman dan keselamatan awam
- Kawalan keselamatan dan kualiti makanan dan air bagi menjaga kesihatan awam
- Pengawasan kualiti alam sekitar
- Perlindungan hak pengguna
- Kawalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja

Pelanggan Jabatan Kimia Malaysia terdiri daripada Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Angkatan Tentera Diraja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bekalan Air, Kastam Diraja Malaysia, **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**, **Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri** dan Jabatan Kerajaan yang lain. Perkhidmatan analisis juga ditawarkan kepada pihak swasta khususnya yang terlibat sebagai pengeluar dan pembekal produk makanan dan bahan penjagaan diri (contohnya industri kecil sederhana, dll).

Garis panduan ini merupakan teknik atau amalan persampelan yang diterima pakai di Jabatan Kimia Malaysia di mana umumnya adalah teknik persampelan standard antarabangsa. Persampelan dan pembungkusan sampel adalah sama penting dengan proses analisis bagi menghasilkan keputusan analisis yang menunjukkan keadaan sebenar sampel asal.


OBJEKTIF

Garis Panduan ini disediakan sebagai pemudahcara bagi pelanggan Jabatan Kimia Malaysia untuk menghantar sampel-sampel khususnya untuk analisis halal.


- Menyeragamkan prosedur penghantaran dan penerimaan sampel di makmal-makmal Jabatan Kimia Malaysia.
- Menjamin integriti sampel yang dihantar oleh pelanggan.
- Mengurangkan kes-kes penolakan sampel

JENIS ANALISIS YANG DIJALANKAN OLEH UNIT HALAL/PENGSPESISAN DAGING:

- Analisis halal – pengesanan DNA babi di dalam :
 - Produk makanan mentah, diproses dan *highly processed*
 - Bahan bukan makanan – *lipstick*, sabun mandi (*body wash*), detergent, shampoo.



- Pengspesisan Daging - bagi kes penipuan pelabelan (contohnya: *adulteration*, *substitution* dll) – spesies babi, lembu, kerbau, ayam, kambing dan ayam belanda (turkey).



- Pengenalpastian minyak *recycled* "Recycled Oil"



SAMPEL BOLEH DITERIMA DARI:

- **Jabatan/Agensi Kerajaan :**
 - JAKIM, Jabatan Agama Negeri-negeri, Pejabat Kesihatan, KPDNKK, Polis, dll
 - Tujuan penghantaran sampel bagi **tujuan pemantauan dan penguatkuasaan**
- **Swasta :**
 - Industri-industri makanan dan produk gunaan harian.
 - Tujuan penghantaran sampel adalah **untuk kawalan kualiti** (*quality control*) bahan *ingredient* di dalam produk
- **Individu/ Orang awam :**
 - Tujuan penghantaran sampel adalah untuk aduan
 - **Sampel mestilah dihantar melalui badan kerajaan** seperti KPDNKK, JAKIM, JAIN atau Pejabat Kesihatan Negeri, dll

A. PANDUAN PENGHANTARAN SAMPEL UNTUK ANALISIS HALAL

1.0 SEBELUM/SELEPAS PENGHANTARAN

- 1.1 Pegawai yang menghantar sampel mesti menunjukkan kad kuasa atau kad pengenalan di kaunter penerimaan
- 1.2 Borang Permohonan Analisis atau surat permohonan perlulah diisi atau disertakan bersama sampel
- 1.3 Satu sampel bagi setiap jenis analisis
- 1.4 Sila hubungi dan maklumkan kepada Ketua Seksyen/Ketua Unit/ Pegawai Sains terlebih dahulu sebelum menghantar sampel untuk kes-kes berikut:
 - 1.4.1 Melibatkan kepentingan awam yang memerlukan keputusan segera
 - 1.4.2 Melibatkan sampel yang banyak
- 1.5 Sila **maklumkan** kepada pegawai sains yang menerima kes bahawa sampel dihantar adalah sampel penguatkuasaan atau sampel kajian.

2.0 PEMBUNGKUSAN SAMPEL

2.1 Sampel mudah rosak

2.1.1 Hendaklah dipek pada suhu antara 4°C – 10°C dalam **bungkusan yang asal dan belum dibuka** untuk mengelakkan kontaminasi

2.2 Sampel sejuk beku

2.2.1 Hendaklah dikekalkan pada suhu beku dan hantar dalam **bungkusan yang asal dan belum dibuka** untuk mengelakkan kontaminasi

2.3 Sampel kering/tin/bungkusan/botol/kotak

2.3.1 Sampel hendaklah dihantar dalam **bungkusan asal dan belum dibuka**. Sekiranya sampel telah dibuka, ianya hendaklah dipek dalam bungkusan yang bersih.

2.4.1 Berat sampel yang diperlukan - 500g hingga 1 kg

2.4.2. Bagi sampel mi berbungkus – 2 (5x90g)

Semua sampel penguatkuasaan perlu dimeterai dengan lak rasmi pihak berkuasa

3.0 PENANDAAN DAN PELABELAN

1. Kotak/sampul surat/bungkusan/botol hendaklah dilabel dengan jelas dan kemas
2. Tanda atau label tidak terlalu besar hingga menutupi maklumat penting seperti ramuan makanan dan sebagainya.
3. Maklumat pada label hendaklah sama seperti yang terdapat pada borang permohonan analisis.

4.0 PEMBERITAHUAN

Piagam bagi analisis halal adalah 15-30 hari.
Pelanggan digalakkan supaya menghantar sampel terus ke Ibu Pejabat, Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi :

Dr. Cornelia Charito Siricord

Ketua Seksyen Bioteknologi
Bahagian Kesihatan Alam Sekitar
Jabatan Kimia Malaysia
Jalan Sultan
46661 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
siricord@kimia.gov.my

Tel: 03 - 7985 3037
Fax: 03 - 7985 3028

Ketua Unit Halal/Pengspesihan Daging

Seksyen Bioteknologi
Bahagian Kesihatan Alam Sekitar
Jabatan Kimia Malaysia
Jalan Sultan
46661 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03 - 7985 3149
Fax: 03 - 7985 3028

GARIS PANDUAN PENGHANTARAN SAMPEL ANALISIS HALAL

JADUAL 1

JENIS SAMPEL	MINIMUM JUMLAH SAMPEL (GRAM / LITER)	PACKAGING
Sampel sejuk beku (daging, sosej, aiskrim, dll)	500g-1kg	Sampel hendaklah dihantar dalam bungkusan asal yang belum dibuka (didalam keadaan sejuk dibawah 4° C) / beku asal.
Sampel kering (tepung, tepung susu, cheese, gelatin, roti, kapsul, dll)	500g-1kg	Sampel hendaklah dihantar dalam bungkusan asal yang belum dibuka. Sekiranya sampel sudah dibuka, sampel tersebut hendaklah dihantar dalam bungkusan bersih dan di'seal' dengan baik untuk mengelakkan kontaminasi. Sampel perlu dilak (dimeterai) dengan lak rasmi pihak berkuasa.
Sampel di dalam tin (mentega, ghee, susu, dll)	500g-1kg	
Sampel di dalam bungkusan (mee maggi, dll)	5 bungkus x (5x90g)	
Sampel di dalam botol (kicap, sos, dll)	500ml	
Sampel bukan makanan (lipstik, <i>body wash</i> , <i>detergent</i> , sabun basuh pinggan mangkuk)		
		Sampel hendaklah dihantar dalam bungkusan asal yang belum dibuka.

Piagam bagi sampel-sampel rutin untuk analisis halal adalah 15 hari – 30 hari

JADUAL 2

SAMPEL-SAMPEL **BAHAN MAKANAN** YANG BOLEH DIANALISIS OLEH MAKMAL HALAL & PENGSPESISAN DAGING

SAMPEL MENTAH	SAMPEL YANG DIPROSES	SAMPEL TERPROSES (HIGHLY PROCESSED)
Daging haiwan: ayam, lembu, kerbau, kambing, ikan , khinzir, kuda, dll	Produk ayam dan daging lembu, kambing, kerbau: sosej, burger, filet, nuget, dll	Gelatin (sumber haiwan/tumbuhan)
Minced meat	Produk makanan laut: filet ikan, kek ikan , bebola sotong, bebola ketam, surimi,keropok lekor, dll	Kapsul (sumber haiwan/tumbuhan)
Biji kopi	Produk susu: susu segar, susu tepung, susu tambahan kalsium, yogurt, cheese, aiskrim, krim cheese, krim masam, whip krim , dll	Sosej casing
Teh, kopi luwak	Serbuk kopi	Sos (hp, tabasco, bbq, soy, fish)
Sesame seed	Krimer, pelbagai coklat, gula-gula, gummy jelly	Butter
Herba (daun basil, tepung paprika, tepung wasabi)	Yeast	Ghee
Telur	Smoked meat (chicken/beef/lamb/duck)	Minyak masak (palm oil,corn oil,dll), <i>recycled oil</i>
		Kolagen (produk farmaseutikal)
		Tepung (gandum, beras, jagung), whey, tepung roti, noodles, tepung telur
		Perasa makanan, serbuk perencah makanan (ayam,dll), tepung marinade
		Corned beef
		Makanan haiwan (kucing, anjing, ayam, ikan, dll)
		Sarang burung (bird nest)

JADUAL 3

SAMPEL-SAMPEL BAHAN **BUKAN MAKANAN** YANG BOLEH DIANALISIS OLEH MAKMAL HALAL & PENGSPESISAN DAGING

BIL	SAMPEL
1	<p>Lipstick </p>
2	<p>Bahan pengguna (syampu rambut, sabun mandi cecair (body wash), <i>shower gel</i>, cecair pencuci pinggan mangkuk dan cecair pencuci pakaian</p> 
3	<p>Tulang (babi, ayam, lembu, dll)</p> 